



## SIARAN AKHBAR PRESS STATEMENT

S.A. 2016/02/14 (HQ)

### GEMPA BUMI: TIADA TANDA KEROSAKAN STRUKTUR PADA EMPANGAN KENYIR

Pemeriksaan awal ke atas Stesen Janaelektrik Sultan Mahmud di Kenyir (Empangan Kenyir) menunjukkan tiada kesan fizikal atau tanda kerosakan struktur yang boleh menjelaskan integriti dan kestabilan empangan.

Ketika kejadian gempa bumi (pada 9.25pm, 23 Februari 2016 seperti dilaporkan oleh Jabatan Meteorologi Malaysia), peralatan empangan mengesan aktiviti seismik yang amat rendah, jauh lebih baik dari paras selamat rekabentuk empangan.

Ekoran insiden tersebut, TNB menjalankan pemeriksaan menyeluruh di empangan dan pepasangan yang berkaitan.

Kesemua empangan TNB direkabentuk dengan daya tahan bagi menghadapi aktiviti seismik yang rendah hingga sederhana mengikut piawaian antarabangsa.

**Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 24 Februari 2016**

*Untuk sebarang pertanyaan lanjut sila hubungi Nor Hanim Idris (019-2617617) /  
Norfadzilah Sha'ary (019-3369681) / Puti Mazlina Mashudi (013-3642727)  
[media@tnb.com.my](mailto:media@tnb.com.my)*